

**THE VARIETY OF HIBAH AS AN WEALTH PLANNING INSTRUMENT:
A LITERATURE REVIEW**

**KEPELBAGAIAN PRODUK HIBAH SEBAGAI INSTRUMEN PERANCANGAN HARTA:
SOROTAN LITERATUR**

Adilah Mohd Sa'afieⁱ & Mohd Zamro Mudaⁱⁱ

ⁱ (Corresponding Author) Calon sarjana, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. adilahaafie@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. zamro@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 9th February 2018

Revised: 26th February 2018

Accepted: 13th February 2018

Abstract	<p><i>The supply of hibah in wealth planning began to grow with the presence of various institutions offering hibah such as Warisan Mukmin, Wasiyyah Shoppe Berhad and As-Salihin Trustee Berhad. The diversity product of hibah in various institutions creates confusion in society and whether the implementation is able to realize the wishes of the grantors in particular. Hence, this article is written to look at the diversity of hibah management patterns in institutions. This study uses qualitative method with document analysis and descriptive approaches. As a result of the literature review, the authors found that there was a gap in the study of hibah management in various institutions.</i></p> <p><i>Keywords: Various, wealth, institutions, hibah, management.</i></p>
Abstrak	<p><i>Penawaran produk hibah dalam perancangan harta mula berkembang dengan wujudnya pelbagai institusi yang menawarkan produk hibah seperti Warisan Mukmin, Wasiyyah Shoppe Berhad dan As-Salihin Trustee Berhad. Kepelbagaian produk yang wujud dari pelbagai institusi menimbulkan kekeliruan pada masyarakat dan adakah pelaksanaannya mampu untuk merealisasikan hajat pemberi hibah khususnya. Justeru, artikel ini ditulis bagi melihat kepelbagaian corak pengurusan hibah di institusi-institusi yang menawarkan produk hibah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kaedah analisis dokumen dan pendekatan deskriptif. Hasil dapatan daripada tinjauan literatur, penulis mendapati bahawa terdapat kelompongan dalam kajian mengenai pengurusan hibah dalam pelbagai institusi.</i></p> <p><i>Katakunci: Pelbagai, harta, institusi, hibah, pengurusan.</i></p>

PENDAHULUAN

Hibah dari segi bahasa merupakan perkataan arab yang berasal dari kata kerja 'wahaba' yang bermaksud 'tabarru' (al-Jurjani 1421H) manakala dari segi istilah al-Zuhayli (1996) memberi takrifan hibah sebagai suatu akad yang memindah hak milik sesuatu tanpa balasan kerana dilakukan secara sukarela. Jika dilihat, pengurusan harta melalui hibah ini telah lama diamalkan di Malaysia, hal ini dapat dilihat daripada kes *Kiah bte Hanapiah v Som Bte Hanapiah* MLJ 82 (1953). Dalam kes ini, mahkamah dikehendaki memutuskan sama ada

sebuah rumah Melayu lama yang diperbuat daripada kayu, dimiliki oleh pemilik tanah atau pun menjadi pemilik hibah. Kemudian mahkamah memutuskan berasaskan kepada prinsip Islam bahawa rumah tersebut adalah suatu harta alih dan menjadi milik pemilik hibah.

Hibah yang telah diamalkan oleh masyarakat di Malaysia adalah merupakan salah satu bentuk pengurusan harta yang dianjurkan dalam Islam. Ia bukanlah bertujuan untuk membelakangi sistem pembahagian harta secara faraid, tetapi ia menjadi alternatif kepada sistem pengagihan harta dalam Islam. Menurut Rusnadewi (2013) dan Adilah (2015) dalam kajiannya menunjukkan kejahilan dalam bidang faraid serta sikap masyarakat yang tidak prihatin dan mengambil berat terhadap usaha pembahagian harta pusaka yang ditinggalkan merupakan antara isu dalam pembahagian harta pusaka.

Selain itu, menurut Azman Ismail (2013), hukum faraid hanya tertakluk kepada perwarisan Islam. Maka, jika seorang anak bukan Islam tidak boleh mewarisi harta seorang bapa yang Islam. Oleh yang demikian, hibah dilihat menjadi jalan keluar terhadap isu yang wujud ini kerana sifat hibah itu sendiri yang lebih fleksible dari aspek perlaksanaannya dan dapat menurun hakmilik waris mengikut hajat pemberi hibah dengan selamat (Mohd Zamro & Noor Lizza 2015).

Seterusnya, terdapat juga artikel-artikel yang membincangkan tentang peranan hibah dalam perancangan harta. Antaranya artikel yang disiarkan dalam Harian Metro (2015) yang bertajuk "Beza Wasiat, Hibah". Dalam artikel ini menerangkan tentang beza wasiat dan hibah secara umumnya. Selain itu, Alias Azhar (2014) ada menyentuh berkenaan pengurusan hibah dan kepentingan hibah itu dilakukan bagi menjadi jalan yang terbaik kepada pemberi hibah untuk mengurus harta mengikut kehendaknya.

Hibah juga merupakan satu bentuk perancangan awal terhadap harta. Pelaksanaan hibah ini perlu memenuhi rukun dan syarat yang digariskan dalam Islam yang merangkumi *al-wahib, al-mawhub, al-mawhub lahu, sighah ijab dan qabul*. Menurut Imam al-Thauri, Abu Hanifah, al-Syafi'i dan satu riwayat dalam Imam Ahmad berpendapat *al-qabd* juga perlu sebagai syarat kesempurnaan dalam hibah (Ibnu Qudamah 1968). Pemberian hibah tidak terhad kepada sesiapa sama ada waris ataupun sebaliknya, islam atau bukan islam, individu atau mana-mana badan mengikut hasrat pemberi hibah. Seorang anak angkat boleh "mewarisi" harta daripada bapa angkatnya dan seorang anak yang islam boleh mewarisi harta daripada bapa yang bukan islam melalui kaedah hibah.

Sebagai contoh dalam kes *Aridah binti Dulmukti v Samingah binti Dolmukti @Dulmukti* (No. Kes:10300-044-0535-2013) menyebutkan bahawa plaintif adalah anak angkat kepada simati yang juga merupakan penerima hibah dalam kes ini. Walaupun begitu, hibah yang dilakukan telah dicabar oleh waris yang lain. Mahkamah memutuskan hibah yang dilakukan adalah sah berdasarkan kepada bukti dan keterangan yang diberikan. Dalam kes *Harizah binti Zainal Ehsan v Fatimah binti Yusof dan lain-lain* (No. kes: 10100-044-0220-2013), plaintif adalah merupakan anak tiri kepada simati. Kemudian, plaintif mengemukakan dokumen Pengisytiharan Hibah dan saksi bagi memberi keterangan terhadap hibah yang dilakukan oleh simati. Mahkamah memutuskan hibah tersebut adalah sah.

Berdasarkan kes tersebut telah menjadi bukti bahawa perancangan harta melalui hibah telah dilaksanakan di Malaysia. Berikutan itu, perkembangan perancangan harta melalui hibah dapat dilihat apabila lahirnya pelbagai institusi-institusi yang menjadikan hibah sebagai salah satu kaedah yang ditawarkan dalam kaedah perancangan harta. Hal ini termasuklah syarikat-syarikat amanah, badan-badan kerajaan dan lain-lain, seperti pihak bank, Majlis Agama Islam, pihak peguam, Amanah Raya Berhad, As-Salihin Trustee Berhad, Wasiyyah Shoppe Berhad dan Warisan Mukmin. Berikutan lahirnya banyak institusi yang menawarkan hibah, lahirnya pelbagai bentuk hibah yang ditawarkan. Hal ini termasuklah dari aspek penyediaan dokumen, kaedah pengurusan dan fee yang dikenakan dalam menguruskan hibah. Oleh yang demikian, adakah perbezaan dan kepelbagaian yang ada ini memberi kesan berbeza terhadap hibah yang dilakukan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan rekabentuk kajian kualitatif yang memberi penekanan mengenai pelaksanaan produk hibah di pelbagai institusi. Kajian ini menggunakan kaedah dalam pengumpulan data dengan kaedah analisis dokumen yang mengambil kira data premier dan data sekunder seperti kitab-kitab fiqh, buku-buku tentang konsep hibah, akta, enakmen, jurnal dan laporan kes. Bagi kaedah analisis data, pendekatan deskriptif digunakan dalam menghuraikan persoalan dalam artikel ini.

SOROTAN LITERATUR

Isu-isu diwujudkan dalam sorotan literatur ini adalah berkaitan dengan kepelbagaian pengurusan produk hibah dalam industri perancangan harta. Berikutan kepelbagaian yang ada ini telah menyebabkan berlaku kekeliruan kepada masyarakat untuk memahami pelaksanaan hibah dan berlaku penyelewengan dalam pengurusan hibah (Nurul Huda 2012). Maka, penulis telah melakukan kajian terdahulu bagi memperoleh maklumat yang berkaitan dan kajian literatur ini dibahagikan kepada beberapa tema yang berikut:

Kepelbagaian Institusi Menawarkan Hibah

Berikutan perkembangan yang dilalui dalam industri perancangan harta, telah wujud pelbagai agensi yang menawarkan produk hibah (Abdul Aziz 2006; Mohd Zamro 2008; Alias Azhar et al. 2014; Ahmad Khilmy et al. 2015). Agensi yang terlibat dalam pengurusan hibah termasuklah Warisan Mukmin Sdn. Bhd, Wasiyyah Berhad, As-Salihin Trustee Berhad, CIMB Trustee, Amanah Raya Berhad dan banyak lagi (Badrul Hakimi 2009). Kebanyakan agensi menawarkan khidmat penulisan dan penyediaan dokumen hibah (Alias Azhar 2014). Nasri Naiimi (2016) menyatakan bahawa perkembangan yang berlaku ini juga memperlihatkan pelbagai kaedah institusi-institusi tersebut melaksanakan pentadbiran hibah.

Abdul Aziz (2006; 2007) menyatakan tentang Zar Perunding Pusaka yang menawarkan pelbagai khidmat dalam merancang harta pusaka melalui Surat Wisoyah, Surat Wasiyyah, Surat Hibah, Surat Harta Sepencarian dan Surat Faraid Waris. Manakala, Wasiyyah Shoppe Sdn Bhd yang mempunyai kepakaran dalam penyediaan dokumen perancangan harta seperti Hibah, Wasiat Islam, Harta Sepencarian, Amanah dan proses tuntutan harta di Mahkamah Syariah, Pejabat Pusaka Kecil dan Mahkamah Tinggi Sivil (Badrul Hakimi, 2009; Fadzil 'Athif, 2017).

Farhatun (2016) dalam kajiannya menyentuh berkenaan As-Salihin Trustee Berhad yang menawarkan pelbagai produk pengurusan harta seperti pri-niaga, pri-warisan dan juga produk hibah yang dikenali dengan pri-hibah. Maka, dapat dilihat wujudnya pelbagai institusi yang menawarkan hibah sebagai produk perancangan harta.

Pelbagai Bentuk Hibah Yang Ditawarkan

Rentetan daripada muncul pelbagai agensi yang terlibat dalam pengurusan hibah, maka timbul pula pelbagai kaedah yang dilakukan. Othman Yaacob (2006), dalam kajian menyatakan terdapat hibah yang dilakukan seperti *trust* hibah yang merupakan kacukan antara hibah dan amanah. Hibah ini merupakan hibah kasih sayang yang mana, apabila hibah dilakukan, harta hibah akan dipegang oleh pemegang amanah dan diserahkan kepada penerima selepas kematian pemberi hibah atau menurut persetujuan pihak-pihak tersebut. Perkara ini disokong oleh Zamro Muda (2008), Alias Azhar et al. (2014) Akmal Hidayah (2017) dan Nazrul Hazizi (2016). Penulisan lanjutan dilakukan oleh Nasir Ali & Aminuddin Adnan (2016) mengenai hibah amanah bagi hartanah.

Manakala, hibah yang dilakukan di Zar Perunding Pusaka melalui Surat Hibah yang berperanan sebagai dokumen bertulis yang menyatakan secara jelas tentang pemberian hibah tersebut dan perlunya qabd oleh penerima hibah. Bagi harta bercagar, kebenaran memberi hibah diperoleh daripada surat persetujuan untuk harta tersebut dipindah milik daripada pencagar. Jika berlaku kematian, wasi yang dilantik melalui Surat Wisoyah akan berperanan menyempurnakan hibah tersebut (Abdul Aziz 2006; Abdul Aziz, 2007). Wasiyyah Shoppe Berhad menawarkan sebanyak 14 jenis hibah yang merangkumi hibah

hartanah, hibah tabung haji, hibah barang kemas, hibah tijarah dan banyak lagi. Penentuan jenis produk ini di ambil mengikut jenis-jenis harta (Badrul Hakimi, 2009). Kemudian, kajian lanjutan dijalankan terhadap produk-produk hibah patuh syariah di Wasiyyah Shoppe (Fadzil 'Athif, 2017).

Manakala, As-Salihin Trustee Berhad menawarkan pri-hibah, yang mengabungkan unsur hibah dan amanah. Dalam pri-hibah terdapat tiga jenis amanah. Amanah tersebut termasuklah jenis benefisiari dewasa, benefisiari bawah umur dan tanpa persetujuan benefisiari dan penjaga (Hairulazlan, 2018). Zar Perunding Sdn. Bhd menyediakan pelbagai produk pengurusan melalui surat Wisoyah, Surat Wasiat, Surat Hibah, Surat Harta Sepencarian dan Surat Faraid Waris. Setiap dokumen yang diwujudkan adalah bagi memenuhi objektif syarikat iaitu memberikan kesedaran kepada semua umat Islam di Malaysia tentang kepentingan merancang pusaka dengan cara yang di yakini dapat menyelesaikan dilema pusaka dan memastikan umat Islam yang cukup umur merancang harta pusaka serta membuat amal kebajikan (Abdul Aziz Hassan, 2006).

Bagi CIMB Trustee Berhad, terdapat hibah harta yang diperkenalkan kesan daripada hasil kajian kepada masalah yang dihadapi oleh setiap individu dalam pengurusan harta pusaka setelah kematian pemilik harta. Hibah yang ditawarkan di sini adalah Amanah Hibah Harta (*Hibah Harta Trust*). Dalam keadaan ini, CIMB Trustee Berhad adalah pemegang amanah yang bertindak menguruskan harta yang dihibahkan, malah menyediakan segala dokumentasi yang diperlukan untuk menyempurnakan proses penghibahan harta yang ditinggalkan (Nurul Huda 2012).

Terdapat juga produk Amanah Hibah yang disediakan di Amanah Raya Berhad (ARB). Amanah Hibah yang diperkenalkan ini merupakan satu skim, yang mana pemberi hibah semasa hayatnya memberi harta tertentu kepada seorang penerima (benefisiari) dengan melantik sebuah badan pemegang amanah iaitu ARB yang kekal sebagai pemegang amanah dalam menguruskan harta hibah tersebut. Maka, hibah yang dilaksanakan di ARB ini melibatkan tiga pihak iaitu pemberi hibah, penerima hibah dan pemegang amanah hibah (Azman Ismail, 2007; Nurul Huda, 2012).

Dalam kajian Juwairiah Mohamad (2015) dan Mohd Kamil (2017) menyatakan hibah turut digunakan dalam industri takaful yang menggunakan hibah bersyarat dalam pembahagian manfaat takaful. Amalan ini dikatakan berkesan kerana, apabila peserta takaful menamakan seseorang atau beberapa orang sebagai penerima hibah, syarikat takaful akan mengeluarkan cek pembayaran manfaat kepada penerima hibah. Namun begitu, hibah tersebut perlu mematuhi kontrak yang digariskan oleh syarak. Kenyataan ini turut disokong oleh Alias Azhar et al. (2015).

Dari aspek rukun hibah pula, Nurul Huda (2012) dalam kajiannya mendapati perbezaan mengenai rukun hibah yang wujud dalam CIMB Trustee dan Amanah Raya Berhad. CIMB Trustee Berhad mempunyai enam rukun hibah iaitu pemberi hibah, penerima hibah, barang hibah, sighth, penyerahan milikan dan penerimaan milikan, manakala Amanah Raya Berhad mempunyai empat rukun hibah seperti pemberi hibah, penerima hibah, barang hibah, sighth. Maka, kepelbagaian yang ada ini boleh menyebabkan kekeliruan kepada masyarakat khususnya.

Pelbagai Bentuk Dokumentasi Hibah

Alias Azhar (t.th), Nasrul Hisyam (2011), Amir Bahari (2014) dan Alias Azhar et al. (2015) menyebutkan secara umum bahawa aspek dokumentasi adalah satu perkara yang terpenting dalam mengelakkan pertikaian selepas berlaku kematian kepada pemberi hibah dan memudahkan pengurusan di Mahkamah Syariah. Selain itu, aspek teknikal dan perundangan harus dipatuhi dan diselaraskan demi kebaikan pihak syarikat dan pelanggan.

Selain itu, Alias (t.th.) menyatakan bahawa dokumentasi hibah merupakan prosedur khas yang digalakkan untuk dilakukan oleh penghibah semasa hayatnya. Perkara ini dilihat melalui kes *CIMB Islamic Bank Bhd lwn LCL Corp Bhd & Anor* (2012) 3 MLJ 869. Hakim dalam kes tersebut menyatakan bahawa hibah bermaksud memindah milik sebuah aset tanpa sebarang pulangan semasa hayat penghibah. Aset tersebut dipindah melalui dokumen

hibah yang dinamakan surat hibah dan fungsi dokumen tersebut adalah untuk memastikan harta yang diberikan kepada orang tersayang diterima tanpa boleh dicabar oleh waris lain.

Seterusnya, Mohd Zamro dan Noor Lizza (2015) menyatakan penyediaan dokumen hibah adalah lebih menjimatkan kos jika hendak dibandingkan dengan kos pertukaran hak milik semasa pemberi hibah masih hidup. Hal ini kerana terdapat perbezaan kos antara pindah milik dan turun milik. Pindah milik harta adalah lebih tinggi berbanding turun milik harta. Maka, jika ibu bapa ingin melakukan penarikan semula, proses adalah lebih mudah dan tidak melibatkan Mahkamah Syariah kerana nama masih kekal pada dokumen hak milik harta atau geran.

Amir Bahari (2014) dalam kajiannya mengulas tentang bentuk dokumentasi hibah ada tiga cara. Pertama, dokumentasi yang dibuat sendiri oleh pemberi hibah tanpa melibatkan mana-mana pihak yang menyatakan tentang hasrat kepada penerima hibah. Kedua, dokumentasi melalui peguam syarie, yang mana penyediaan borang dilakukan dan diuruskan oleh peguam syarie. Ketiga dokumentasi melalui syarikat trustee, dalam situasi ini, peguam dalam syarikat tersebut yang akan memainkan peranan dalam penyediaan dokumen hibah. Perbezaan dokumen hibah ini juga boleh dilihat melalui syarikat Wasiyyah Shoppe Berhad yang menggunakan Dokumen Pengisytiharan hibah (Nurul Huda 2016), manakala As-SalihinTrustee Berhad menggunakan dokumen Deklarasi Hibah yang merangkumi maklumat hibah dan juga surat kuasa wakil (Hairulazlan 2018) dan Zar Perunding Pusaka menggunakan Surat Hibah.

Oleh yang demikian, kepelbagaian institusi yang menawarkan produk hibah telah mewujudkan perbezaan dari segi produk hibah, pengurusan hibah dan dokumentasi hibah yang dilakukan. Justeru, penulis melakukan analisis-analisis terhadap maklumat yang diperoleh bagi mengenalpasti kelompangan dalam kajian yang melibatkan hibah dalam aspek perancangan harta.

ANALISIS SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dilakukan, penulis mendapati bahawa kajian yang dibuat mengenai kepelbagaian produk hibah dan pengurusan produk hibah hanya dilakukan secara umum. Oleh itu, kajian lanjutan mengenai pengurusan produk hibah dilakukan secara terperinci perlu dilakukan bagi melihat adakah produk-produk hibah yang ditawarkan oleh institusi-institusi tersebut menepati konsep hibah dari sudut syarak dan seiring dengan undang-undang di Malaysia khususnya.

a) Pelbagai Agensi Menawarkan Hibah

No	Penulis	Hasil Kajian
1)	Abdul Aziz (2006)	<ul style="list-style-type: none"> • Penulisan artikel tentang syarikat yang wujud iaitu Zar Perunding Pusaka • Zar Perunding Pusaka menawarkan pelbagai kaedah dalam perancangan harta pusaka, hibah sebagai salah satu kaedah yang digunapakai.
2)	Zamro Muda (2008), Alias Azhar et al. (2014), Ahmad Khilmy et al. (2015), Nasri Naiimi (2016)	<ul style="list-style-type: none"> • Menyebut secara umum tentang agensi-agensi yang wujud menawarkan hibah sebagai perancangan harta.
3)	Badrul Hakimi (2009)	<ul style="list-style-type: none"> • Penulisan artikel tentang Wasiyyah Shoppe Sdn Bhd • Kepakaran dalam penyediaan dokumen perancangan harta seperti Hibah, Wasiat Islam, Harta Sepencarian, Amanah dan proses tuntutan harta di Mahkamah Syariah, Pejabat Pusaka Kecil dan Mahkamah Tinggi Sivil.

4) Fadzil 'Athif (2017)	<ul style="list-style-type: none"> Kajian secara terperinci mengenai produk-produk di Wasiyyah Shoppe kemudian melakukan analisis produk dengan konsep hibah dari segi syarak.
5) Farhatun (2016)	<ul style="list-style-type: none"> Menyentuh berkenaan As-Salihin Trustee Berhad yang menawarkan pelbagai produk pengurusan harta seperti pri-niaga, pri-warisan dan juga produk hibah yang dikenali dengan pri-hibah.

b) Pelbagai Bentuk Hibah Yang Ditawarkan

No	Penulis	Hasil Kajian
1)	Abdul Aziz (2006)	<ul style="list-style-type: none"> Hibah yang dilaksanakan berdasarkan dokumen surat hibah Adanya pelantikan wasi melalui surat wasiyyah, jika berlaku kematian, hibah akan disempurnakan oleh wasi perkara yang berbentuk teknikal.
2)	Hairulazlan (2018)	<ul style="list-style-type: none"> Produk hibah As-Salihin Trustee Berhad menggunakan hibah dan amanah atau dikenali dengan hibah amanah.
3)	Othman Yaacob (2006), Zamro Muda (2008), Alias Azhar et al. (2014), Nazrul Hazizi (2016)	<ul style="list-style-type: none"> Penulis menjelaskan adanya hibah yang berbentuk trust hibah yang menggabungkan antara hibah dan amanah.
4)	Badrul Hakimi (2009)	<ul style="list-style-type: none"> Produk-produk hibah dilakukan berdasarkan jenis-jenis harta.
5)	Azman Ismail (2007), Nurul Huda (2012)	<ul style="list-style-type: none"> Menyentuh tentang hibah yang dilakukan di ARB. Hibah ARB melibatkan tiga pihak iaitu pemberi hibah, penerima hibah dan pemegang amanah iaitu ARB.
6)	Nurul Huda (2012)	<ul style="list-style-type: none"> Menyentuh hibah yang dilakukan di CIMB Trustee Berhad Hibah yang dilakukan adalah berbentuk hibah harta <i>trust</i> Enam rukun hibah yang digunapakai oleh CIMB Trustee dan empat rukun hibah oleh Amanah Raya Berhad.
7)	Akmal Hidayah & Tajul Aris (2017)	<ul style="list-style-type: none"> Perbincangan khusus mengenai hibah amanah, kaedah melakukan hibah amanah.
8)	Nasir Ali & Aminuddin Adnan (2016)	<ul style="list-style-type: none"> Penulisan khusus mengenai hibah amanah bagi hartanah.
9)	Juwairiah Mohamad; Alias Azhar et. al (2015) dan Mohd Kamil (2017)	<ul style="list-style-type: none"> Hibah turut digunakan dalam industri takaful yang menggunakan hibah bersyarat dalam pembahagian manfaat takaful. Amalan ini dikatakan berkesan kerana, apabila peserta takaful menamakan seseorang atau beberapa orang sebagai penerima hibah, syarikat takaful akan mengeluarkan cek pembayaran manfaat kepada penerima hibah. Namun begitu, hibah tersebut perlu mematuhi kontrak yang digariskan oleh syarak.

c) Pelbagai Bentuk Dokumentasi Hibah

No	Penulis	Hasil Kajian
1)	Alias Azhar (t.th.), Nasrul Hisyam (2011), Amir Bahari (2014) dan Alias Azhar et al. (2015)	<ul style="list-style-type: none"> • Menyebutkan secara umum bahawa aspek dokumentasi adalah satu perkara yang terpenting dalam mengelakkan pertikaian selepas berlaku kematian kepada pemberi hibah dan memudahkan pengurusan di Mahkamah Syariah.
2)	Amir Bahari (2014)	<ul style="list-style-type: none"> • Bentuk dokumentasi hibah ada tiga cara. Pertama, dokumentasi yang dibuat sendiri oleh pemberi hibah tanpa melibatkan mana-mana pihak yang menyatakan tentang hasrat kepada penerima hibah. Kedua, dokumentasi melalui peguam syarie, yang mana penyediaan borang dilakukan dan diuruskan oleh peguam syarie. Ketiga dokumentasi melalui syarikat trustee, dalam situasi ini, peguam dalam syarikat tersebut yang akan memainkan peranan dalam penyediaan dokumen hibah.
3)	Alias Azhar (t.th), Zamro & Noor Lizza (2015)	<ul style="list-style-type: none"> • Melalui dokumen hibah harta dapat diturunkan dengan selamat tanpa dicabar oleh waris lain.
4)	Nurul Huda (2016)	<ul style="list-style-type: none"> • Dokumen hibah di Wasiyyah Shoppe dikenali dengan Dokumen Pengisytiharan Hibah.
5)	Hairulazlan (2018)	<ul style="list-style-type: none"> • Dokumen hibah di As-Salihin Trustee Berhad dikenali dengan Deklarasi Hibah yang merangkumi maklumat hibah dan juga surat kuasa wakil.

PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada penelitian yang telah dilakukan, penulis mendapati beberapa hasil kajian yang ingin diutarakan iaitu:

Proses Pengurusan Hibah

Secara amnya, pengurusan hibah ini terdapat tiga proses. Pertama, proses sebelum dokumentasi dilakukan, kedua proses semasa hibah dilakukan yang kebiasaannya melibatkan pemberi hibah menandatangani dokumen hibah dan qabd dilakukan oleh penerima hibah beserta ijab qabul. Proses ketiga, melibatkan pindahan hakmilik harta hibah dan simpanan dokumen.

Selain itu, terdapat juga syarikat yang melantik agen perantara bagi membantu pengurusan hibah. Secara khususnya, agen yang dilantik ini berperanan dalam melakukan pendedahan mengenai pengurusan harta melalui ceramah-ceramah dan juga edaran *flyers*. Namun begitu, terlebih dahulu agen perantara akan diberikan taklimat dan latihan berkenaan produk serta pendedahan pengurusan produk pada setiap bulan. Dari aspek peranan institusi juga terdapat perbezaan yang mana ada yang menjadi pemegang amanah kepada harta hibah dan ada juga yang bertindak sebagai pembantu dalam urusan hibah. Oleh yang demikian, adakah perbezaan yang ada ini mampu mempengaruhi kesahan hibah di peringkat mahkamah jika berlaku pertikaian kelak.

Dokumen Hibah

Dokumen hibah atau surat hibah secara jelasnya berperanan dalam menyatakan secara jelas pemberian hibah yang dilakukan. Kesemua institusi yang menawarkan produk hibah menjadikan dokumen hibah secara bertulis sebagai satu alat yang utama semasa hibah

dijalankan. Hal ini termasuklah pihak pemberi hibah dan penerima hibah perlu menandatangani dokumen hibah sebagai bukti pemberian dan penerimaan.

Selain daripada itu, rukun-rukun hibah perlu ditepati bagi menjadikan hibah itu terpakai kelak. Rukun hibah terbahagi kepada pemberi hibah, penerima hibah, barang yang dihibahkan dan sighthah. Bagi kes-kes di Malaysia kes pengesahan hibah adalah lebih merujuk kepada sejauh mana sesuatu hibah yang dilakukan itu menepati rukun dan syarat yang ditetapkan oleh syarak. Sebagai contoh kes *Suhaimi bin Sha'ari v Mohd Sharif bin Yahya* (No. Kes 06200-044-0146-2012). Dalam kes ini, hakim menerima dokumen hibah yang disebut sebagai Dokumen Pengisytiharan Hibah sebagai qarinah yang kuat dalam membuktikan hibah yang telah dilaksanakan oleh simati. Kes lain seperti kes *Harizah binti Zainal Ehsan v Fatimah binti Yusof* (10100-044-0220-2013).

Menurut, Abdul Rahman (2015), pengesahan hibah dengan dokumen adalah sangat kuat berbanding pengesahan dengan lisan kerana sifat dokumen yang bersifat kekal dan mudah dibuktikan. Keterangan yang lengkap dalam dokumen hibah boleh meringkaskan masa perbicaraan di mahkamah. Oleh yang demikian, keperluan dokumen hibah dilihat dapat membantu dalam pembuktian hibah di peringkat Mahkamah Syariah.

CADANGAN UNDANG-UNDANG KHUSUS HIBAH

Pewujudan satu undang-undang khusus hibah perlu ada berikutan kepelbagaian agensi dan kaedah-kaedah melakukan hibah sebagai kaedah perancangan harta yang semakin pesat. Hal ini kerana undang-undang yang ada kini hanya menyentuh berkenaan hibah secara umum. Hal ini dapat dilihat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003), Seksyen 61(3)(b)(vi) menyebutkan:

Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah-

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan-

(vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam.

Dalam undang-undang di atas, hibah atau alang hanya disebut secara umum. Maka satu garis panduan mengenai tatacara memberi hibah yang khusus perlu diwujudkan. Hal ini bagi memberi kefahaman dan keyakinan kepada mana-mana individu yang ingin melakukan transaksi hibah dan memastikan tiada masalah yang timbul selepas berlaku kematian pemberi hibah mahupun penerima hibah. Selain itu, satu jawatankuasa hibah perlu ditubuhkan bagi memantau institusi-institusi yang menawarkan produk hibah secara berpusat. Hal ini bukan bermaksud menyelaraskan tetapi bagi menjadi rujukan atau panduan asas dalam pembentukan hibah yang patuh syariah. Perkara ini bagi mengelakkan kekeliruan kepada masyarakat terhadap perbezaan-perbezaan yang wujud di antara satu institusi dengan institusi yang lain.

Seterusnya, berikutan tiada lagi undang-undang hibah, pelaksanaan hibah yang dilakukan di peringkat mahkamah masih lagi bersifat subjektif. Hal ini kerana, pengesahan hibah yang dilakukan di peringkat mahkamah sehingga kini hanya tertakluk kepada keputusan dan pandangan hakim. Maka, tidak dinafikan lain hakim boleh mempunyai pandangan yang berbeza pada isu yang sama.

Sebagai contoh dalam kajian Nurul Syuhadah dan Noor Lizza (2016) yang menyebut pada isu lafaz ijab qabul. Hakim menerima pakai lafaz sighthah ijab qabul perlu bersambungan antara kedua belah pihak dalam kes *Faizah Som binti Abdul Kadi v Yahya bin Abdul Kadir dan lain-lain* (14700-044-0244-2013), tetapi dalam kes *Abdul Ghani bin Abdul Kadir v Arpah binti Abdul Kadir* JH 35(II) (2012), hakim memberi tafsiran yang berbeza mengenai lafaz sighthah ijab qabul. Maka dapat dilihat, pembentukan undang-undang hibah perlu ada bagi memberi panduan kepada institusi-institusi yang menawarkan produk hibah dan panduan di peringkat mahkamah juga agar hajat pemberi hibah dapat dilaksanakan menurut syarak dan undang-undang di Malaysia.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, hibah telah berkembang dengan pesat dengan lahirnya pelbagai institusi yang menawarkan hibah sebagai produk perancangan harta. Dilihat dari aspek hibah itu sendiri, perkembangan hibah juga dilihat apabila munculnya kaedah hibah yang digabungkan dengan produk lain seperti hibah amanah, hibah bersyarat, hibah harta bercagar dan hibah dengan syarat balasan. Hal ini tidak menghairankan kerana pelaksanaannya sejajar dengan perkembangan ilmu, kesedaran masyarakat, tuntutan semasa dan perubahan cara hidup.

Walaupun begitu, kaedah hibah ini perlu terus diperhalusi agar pelaksanaannya dapat mencapai hajat pemberi hibah dan menepati undang-undang syarak yang selaras dengan undang-undang di Malaysia. Oleh yang demikian, pantauan perlu dilakukan terhadap hibah-hibah yang dilaksanakan agar manfaat hibah tersebut dapat diperoleh secara maksima. Selain itu, kempen penerangan dan ceramah mengenai produk hibah yang juga perlu dilakukan, hal ini bagi mengelakkan kekeliruan dalam masyarakat berikutan kepelbagaian kaedah pengurusan hibah khususnya dan dapat menjadikan hibah sebagai produk perancangan harta dengan yakin dan jelas.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Hassan, Yusmawati Yusop. 2006. *Perancangan Harta Di Zar Perunding Pusaka*. Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Aziz Hassan. 2007. *Perancangan Pusaka Islam*. Dlm. Konvensyen Perwarisan Harta Islam. Kuala Lumpur: Amanah Raya Berhad.
- Abdul Rahman Bin Md Yunus, 2015. *Hibah Dari Perspektif Aplikasi Undang-Undang Syariah di Malaysia*. Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam. Sintok: UUM.
- Adilah Binti Mohd Sa'afie. 2015. *Aplikasi Prosedur Pengurusan Pembahagian Harta Pusaka Kecil Bagi Orang Islam Di Unit Pembahagian Pusaka Hulu Langat: Isu-isu Dan Penyelesaiannya*. Latihan Ilmiah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Khilmy Abdul Rahim, Mohd Shahril Ahmad Razimi & Mohd Murshidi Mohd Nor. 2015. *Aplikasi Hibah Dalam Sistem Perbankan Islam Di Malaysia*. Prosiding Seminar Hibah Dalam Pengurusan Harta Islam 2015, hlm. 87-91.
- Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami. 2017. *Pelaksanaan hibah sebagai suatu instrumen pengurusan harta pusaka Islam di malaysia*. Jurnal Undang-Undang Malaysia 29 (2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. *Pengurusan harta dalam Islam: perspektif hibah di malaysia*. Journal Of Human Development And Communication 3. Arau: uniMAP
- Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman, Fauziah Mohd Noor. 2015. *Instrumen Hibah Dalam Takaful: Tinjauan Di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd*. Prosiding Seminar Hibah Dalam Pengurusan Harta Islam 2015, hlm. 142-149.
- Alias Azhar. T.th. *Hibah Komersial Di Malaysia Satu Tinjauan Di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd*. T.tpt.
- Amir Bahari. 2014. *Islamic Estate, Retirement And Waqf Planning*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Anon. 2015. *Beza Wasiat, Hibah*. *Harian Metro*. 16 Feb.
- Azman Ismail. 2007. *Perancangan Dan Pengurusan Perwarisan Islam*. Kuala Lumpur: Amanah Raya Berhad.
- Azman Ismail. 2013. *Islamic Inheritance Planning 101*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Farhatun Atmam. 2016. *Analisis Hukum Terhadap Produk Pri-Hibah di As-Salihin Trustee Berhad Trustee Berhad Berhad Berhad*. Tesis Sarjana. Jabatan Fiqh Dan Usul, Universiti Malaya.
- Ibn Qudamah, cAbd Allah Bin Ahmad. 1968. *Al-Mughni*. Jil.5. Mesir: Maktabah al-Qaherah.
- al-Jurjani, Ali Bin Muhammad bin cAli. 2000. *al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Juwairiah Mohamad & Nor Syahidah Ishak. 2015. *Pengurusan Harta Pampasan Takaful: Hibah Dan Wakaf*. Prosiding Seminar Hibah Dalam Pengurusan Harta Islam. Sintok: UUM.
- Mohd Kamil Ahmad & Joni Tamkin Borhan. 2017. *Penggunaan Hibah Bersyarat (Berta'liq) Dalam Masalah Pembahagian Manfaat Takaful: Analisis Hukum*. Jurnal Syariah, 25(1):51-74.
- Mohd Nasir Ali & Aminuddin Adnan. 2016. *Hibah Amanah Hartanah*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah.
- Mohd Zamro Muda & Noor Lizza Mohamed Said. 2015. *Signifikan Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta Orang Islam Di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zamro Muda. *Instrumen Hibah dan Wasiat: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia*. Kertas Kerja Konvokesyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008. Anjuran JAKIM, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 8 Ogos.
- Muhammad Fadzil 'Athif. 2017. *Penawaran Produk Hibah Patuh Syariah: Kajian Di Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd*. Disertasi Sarj. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nasri Naiimi. 2016. *Pengurusan Pusaka Islam, Wasiat & Hibah Di Malaysia: Isu dan Aplikasi*. Sintok: UUM Press.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2011. *Hibah Dalam Undang-Undang Islam: Prinsip & Amalan*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Nazrul Hazizi Noordin, Muhammad Issyam Ismail, Muhammad Abd Hadi Abd Rahman, Siti Nurah Haron & Adam Abdullah. 2016. Re-evaluating the practice of Hibah Trust In Malaysia. *Humanomics* 32(4).
- Nurul Huda Abdullah. 2012. *Pelaksanaan Amanah Hibah di CIMB Trustee Berhad dan Amanah Raya Berhad*. Disertasi Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2016. Keputusan Hakim Syarie Dalam kes-Kes Pengesahan Hibah Mengenai Sighah. *Journal Of Contemporary Islamic Law*. Vol 1(1). Bangi: UKM.
- Othman Yaacob. 2006. *Undang-Undang Dan Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia*. Dlm. Siti Mashitoh Mahamoo (pnyt.). *Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran*, hlm. 171-208. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad. 2013. *Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan Dan Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah*. *Jurnal Hadhari* 5(1). Bangi: UKM.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1996. *al-Fiqh al-Islami wa Adilatuhu*. Jil. 5. Kaherah: Dar al-Fikr.

Temubual

- Mohd Hairulazlan Ramlan. *Produk Hibah As-Salihin Trustee Berhad*. Kelana Jaya. Temu Bual, 5 Feb 2018.
- Nurul Huda Abdullah. *Pengurusan Hibah Wasiyyah Shoppe Berhad*. Temu Bual, 16 Mac 2016.

Enakmen

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.

Kes

- Aridah binti Dulmukti v Samingah binti Dolmukti @Dulmukti*.
CIMB Islamic Bank Bhd lwn LCL Corp Bhd & Anor.
Harizah binti Zainal Ehsan v Fatimah binti Yusof dan Lain-lain.
Kiah bte Hanapiah v Som bte Hanapiah.
Suhaimi bin Sha'ari v Mohd Sharif bin Yahya.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.